



TERAJU PARADIGMA SYOR TARIKH PILIHAN RAYA AWAL

Pilihan raya umum negeri (PRN) Sarawak yang perlu dilangsungkan sebelum pertengahan tahun ini adalah antara isu menarik yang menghangatkan landskap politik negara. Tumpuan terhadap negeri bumi Kenyalang sudah kelihatan sejak Tan Sri Adenan Satem menerajui kepemimpinan Kerajaan Sarawak.

G. MANIMARAN

Dibalik populariti Tan Sri Adenan sebagai Ketua menteri yang terus meningkat, satu perkara yang menarik perhatian banyak pihak, khususnya parti politik, ialah keberanian beliau mengesyorkan lebih awal atau membayangkan terlebih dahulu satu tarikh yang sesuai untuk mengadakan PRN.

Hal ini menunjukkan keberanian Tan Sri Adenan. Walaupun ada pihak yang tersinggung dengan syor beliau dan ada yang berpandangan bahawa beliau bertindak melampaui peruntukan undang-undang, perkembangan tersebut membuka mata banyak pihak. Adakah tindakan tersebut merupakan taktik atau percaturan politik untuk meraih sokongan undi kelak? Masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan tersebut.

Pada awalnya, beliau memaklumkan bahawa PRN akan diadakan sekitar Mac tahun ini. Tidak lama selepas itu, pada Januari lalu, beliau mengesyorkan tarikh yang muktamad. Tindakan tersebut sememangnya mengejutkan banyak pihak. Susulan pertemuan dengan Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Sarawak, Tan Sri Adenan secara terbuka memberitahu bahawa beliau mengesyorkan satu tarikh khusus, iaitu pada akhir April 2016. Beliau memilih untuk mengadakan PRN ke-11, pada 30 April 2016, manakala tarikh penamaan calon pada 18 April.

Dari segi undang-undang, beliau sememangnya tiada hak untuk berbuat demikian. Peruntukan tersebut amat jelas. Di Malaysia, tarikh pilihan raya umum (PRU), PRN, atau pilihan raya kecil (PRK) hanya boleh diputuskan oleh SPR dalam tempoh 60 hari daripada pembubaran atau apabila kekosongan diisi/tiharkan atas apa-apa juga alasan dan sebab. Sudah pasti Tan Sri Adenan sebagai ahli politik yang sudah lama berkecimpung dalam politik memahami peruntukan tersebut.

Walau bagaimanapun, beliau membawa perubahan atau transformasi dalam urusan perjalanan pilihan raya. Sebagaimana populariti beliau dengan siri pengumuman yang memihak kepada rakyat jelata sejak mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sarawak pada Mac 2014, beliau sekali lagi menarik perhatian arena politik Malaysia dengan pengumuman tarikh PRN tersebut.

Tidak pernah ada ketua kerajaan pusat atau negeri yang berbuat demikian. Laporan Bernama menyifatkan bahawa beliau dilihat menyimpang daripada norma kebiasaannya, iaitu lebih suka menyimpan rahsia mengenai tarikh keramat berkenaan dan pengumuman tersebut ternyata diterima secara positif oleh rakyat.

Penyarah Sains Politik, Universiti Malaysia Sarawak, Profesor Madya Dr. Jeniri Amir, yang dipetik oleh Bernama



TARIKH PEMBUBARAN PARLIMEN

1. Jawatankuasa Pilihan Khas mengambil maklum bahawa Fasal (3) Perkaras 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu terubur.
2. Jawatankuasa Pilihan Khas mengambil maklum bahawa terdapat cadangan tarikh parlimen dibubarkan yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang bagi memudahkan persediaan oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya.
3. Jawatankuasa Pilihan Khas mengambil maklum bahawa kuasa untuk menentukan tarikh pembubaran Parlimen bukan merupakan kuasa SPR mengikut peruntukan undang-undang dan turut mengambil maklum bahawa kuasa SPR hanya dalam menetapkan tarikh pilihan raya setelah parlimen dibubarkan.
4. Jawatankuasa Pilihan Khas mengesyorkan bahawa tempoh parlimen hanya boleh dibubarkan selepas mencapai tempoh empat tahun dan hendaklah diperuntukkan dalam undang-undang.
5. Satu daripada 22 syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen adalah berhubung dengan penambahbaikan perjalanan pilihan raya.

sebagai berkata bahawa pengumuman tersebut memberikan dua petunjuk, iaitu pemimpin negeri berusia 71 tahun itu bukan sahaja berkeyakinan memenangi PRN ke-11, malah yakin untuk memperoleh kemenangan dengan majoriti yang lebih besar.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Dr. Jeniri, pengumuman tersebut juga menguntungkan semua parti politik, iaitu memperoleh peluang yang sama rata serta masa yang mencukupi untuk melengkapkan jentera masing-masing bagi menghadapi acara yang dinanti-nantikan itu.

"Hal ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Saya berpendapat bahawa perkara tersebut sepatutnya menjadi pendekatan pada masa hadapan untuk mencapai demokrasi yang matang," kata beliau.

Pada PRN lalu, BN memenangi 55 daripada 71 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan. Pada PRN kali ini, sebanyak 82 kerusi DUN akan dipertandingkan. Susulan kritikan beberapa pihak, Tan Sri Adenan menjelaskan bahawa beliau tidak menetapkan tarikh PRN kepada SPR ketika mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan mereka baru-baru ini.

"Saya juga tidak memberitahu mereka apa-apa yang harus dilakukan apabila DUN dibubarkan nanti. SPR tahu akan apa-apa yang perlu dilakukan kerana pilihan raya adalah prerogatif mereka. Saya harap ini dapat menjelaskan segalanya. Tidak perlu untuk saya memberitahu mereka," kata Tan Sri Adenan ketika cuba membetulkan reaksi sesetengah pihak, termasuk kritikan dan sindiran daripada parti pembangkang bahawa beliau campur tangan dalam menentukan tarikh PRN.

Perkembangan tersebut juga dilihat oleh banyak pihak sebagai ujian awal kepada Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah yang baru seminggu dilantik sebagai Pengerusi SPR. Menurut beliau, sesiapa sahaja boleh memberikan cadangan mengenai tarikh PRN Sarawak.

"Selagi DUN tidak dibubarkan, SPR tidak akan menentukan tarikh PRN kerana tugas berkaitan pilihan raya hanya bermula selepas itu, termasuk urusan tarikh penamaan calon dan pengundian," kata beliau.

Walau apa-apa pun reaksi positif dan negatif terhadap syor Tan Sri Adenan

mengenai tarikh PRN, pada sudut yang lebih luas, beliau cuba membawa satu paradigma dalam soal penganjuran PRN di negara ini. Apa-apa yang disebutkan oleh



Mohd Hashim Abdullah

Tan Sri Adenan bukan perkara baharu dalam arena politik, terutama PRU. Pendekatan mengumumkan tarikh yang lebih awal sudah diamalkan di kebanyakan negara yang mengamalkan prinsip demokrasi berparlimen. Di sesetengah negara, tarikh pilihan raya ditetapkan enam bulan atau setahun lebih awal untuk berlaku adil kepada semua parti yang bertanding. Malaysia tidak menggunakan model Amerika Syarikat. Negara tersebut juga menetapkan satu hari yang khusus, iaitu pada bulan November untuk mengadakan pemilihan presiden.

Ada pihak yang melihat bahawa pendekatan yang diambil oleh Tan Sri Adenan wajar dialu-alukan. Hal ini perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dengan mengambil kira perubahan landskap politik negara. Namun begitu, perlu diakui bahawa peruntukan semasa tidak mengizinkan amalan tersebut dilaksanakan di Malaysia pada masa sekarang.

Persoalannya, mengapa tidak syor Tan Sri Adenan dikaji untuk dijadikan komponen PRU pada masa akan datang? Mungkin parlimen dan SPR boleh memikirkan perkara tersebut bagi menyegarkan lagi amalan demokrasi di Malaysia. Hal tersebut juga selari dengan salah satu syor yang pernah dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan penambahbaikan perjalanan pilihan raya yang dikemukakan pada tahun 2012, khusus tentang tarikh pembubaran parlimen. Syor jawatankuasa tersebut memfokuskan pembubaran parlimen. Begitu pun, jika perkara yang sama diperluas pada peringkat DUN, sudah pasti hal tersebut akan memanfaatkan semua pihak dan akan mewarnai landskap politik negara pada jangka masa panjang. **DM**